

Mahasiswa FKAL jayakan program 'Future Route' di SMKL

UB 13.9.2019 7

LABUAN: Berkonsepkan 'Mahasiswa Berbakti', seramai 42 mahasiswa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) terlibat secara langsung dengan program 'Future Route' di Sekolah Menengah Kebangsaan Labuan (SMKL) selama dua hari yang diadakan di Dewan Mutiara SMKL, baru-baru ini.

Program itu berobjektif khusus iaitu dari aspek pendedahan awal kepada para pelajar mengenai program-program sarjana muda yang ditawarkan di FKAL.

Selain itu, program turut mempersiapkan mental dan fizikal para pelajar Tingkatan 6 sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

Pada masa sama, program

juga dapat memperkenalkan UMSKAL secara menyeluruh kepada para pelajar yang terlibat.

Sepanjang program berlangsung, terdapat banyak aktiviti yang dilakukan antaranya simulasi temuduga peringkat universiti, latihan dalam kumpulan dan forum kehidupan di universiti.

Ketiga-tiga aktiviti itu dapat meningkatkan keyakinan diri para pelajar dan memberikan

gambaran awal setiap aspek kehidupan di universiti.

Keunikan program itu terserlah apabila mendapat sokongan padu daripada pihak FKAL, UMSKAL, SMKL, para pelajar serta pensyarah UMSKAL.

Ia kerana, terdapat aktiviti perkongsian motivasi pelajar yang disampaikan khas oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Dr Suzillah Sidek, merangkap

alumni SMK Labuan.

Dekan FKAL Prof Madya

Dr Zaiton Osman, Pengetua

SMKL Ismail Abdullah,

Pensyarah Kewangan Islam

merangkap penyelaras

program Nurul Izzati Abd

Razak, Pensyarah Kewangan

Islam Dr Mohamad I'sa Abd

Jalil dan Penolong Kanan

Tingkatan 6 SMKL Samnian

Sabtu turut hadir menjayakan

majlis penutupan program

Future Route 2019.



GAMBAR KENANGAN: Zaiton, Ismail, Suzillah dan Saminan bergambar kenangan bersama mahasiswa FKAL dan pelajar Tingkatan 6 SMKL.